

PM kesal fitnah Pas

JITRA, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kesal dengan sikap pemimpin Pas yang melemparkan fitnah terhadap kerajaan dan Umno mengenai tindakan kerajaan mengharamkan al-Arqam dan isu hukum hudud.

Menurut Perdana Menteri, selepas menyatakan sokongan terhadap tindakan yang diambil kerajaan, pemimpin parti itu melemparkan fitnah dengan menyatakan sebaliknya kepada orang ramai.

Beliau berkata, memang sudah menjadi ta-

biat Pas yang mengakui bahawa Islam sebagai panduan parti tetapi gagal mengamalkannya.

"Yang Dipertua Pas, Fadzil Noor dan Menteri Besar Kelantan, Nik Aziz Nik Mat, bersetuju dengan tindakan kerajaan mengharamkan al-Arqam, tetapi dalam ceramahnya, parti itu menyatakan kerajaan menekan pendakwah Islam.

"Jika Pas anggap ajaran al-Arqam tidak bertentangan dengan Islam, bermakna mereka bersetuju dengan al-Arqam yang mendakwa pemimpinnya,

Ashaari Muhammad, mempunyai sifat-sifat tuhan dan sudah menemui Nabi Muhammad.

"Oleh itu saya ingin tahu sama ada ahli Pas percaya ataupun tidak dakwaan itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan bangunan Perpustakaan Awam Kedah cawangan Jitra, di sini, hari ini.

Sebelum itu, Dr Mahathir mengadakan pertemuan dengan Umno Kedah di Wisma Darul Aman, di Alor Star.

Menurutnya, dalam pertemuan itu, beliau

menjelaskan mengenai fitnah yang dilemparkan Pas dan perkara mengenai pengurusan Umno.

Perdana Menteri juga berkata, Pas telah melemparkan fitnah dengan hanya membacakan separuh daripada suratnya kepada Nik Aziz mengenai pelaksanaan hukum hudud di negara ini.

Katanya, dengan membacakan separuh saja daripada surat itu kepada ahlinya, ia memberi gambaran seolah-olah kerajaan menolak hukum hudud tetapi yang sebenarnya kerajaan hanya

menolak Kanun Jenayah yang dirangka oleh Pas.

"Kita hanya menolak Kanun Jenayah Pas, bukan hukum hudud. Tetapi, dia (Pas) ingin menyembunyikannya." Pemimpinnya cakap lain dan di kampung-kampung mereka cerita lain.

"Ini memang menjadi tabiat Pas yang bercakap bahawa Islam adalah panduannya dan ingin mendirikan kerajaan berpandukan Islam, tetapi tidak mampu berpandu kepada agama Islam dalam partinya sendiri," katanya.